



## **SIARAN MEDIA** **KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

---

### **MALAYSIA TECHLYMPICS 2022 PERINGKAT ZON: KINI SINGGAH DI SABAH**

---

**TUARAN, 24 September 2022** - Malaysia Techlympics 2022, sebuah inisiatif Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) kini dipertandingkan di peringkat zon bagi mencari peserta atau Techlympians yang bakal mara ke peringkat seterusnya bagi merebut hadiah-hadiah bernilai sehingga RM500,000.00.

Ketua Setiausaha, MOSTI, YBhg. Datuk Ts. Dr. Haji Aminuddin bin Hassim, telah merasmikan **Majlis Penutupan Malaysia Techlympics Zon Malaysia Timur, Sabah** mewakili YB Dato' Sri Dr. Adham bin Baba, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi di Institut Pelatihan Guru Kent di sini hari ini.

Menurut beliau, melihat kepada semangat yang ditunjukkan oleh para Techlympians, MOSTI yakin bahawa Malaysia mampu melahirkan generasi yang celik sains teknologi dan inovasi (STI) dan para inovator muda yang berkebolehan untuk menghasilkan solusi, aplikasi dan produk berteknologi untuk masyarakat dan kelestarian negara.

“Inisiatif ini mampu meningkatkan lagi daya saing dan daya tahan negara melalui penyertaan inklusif dalam pertumbuhan ekonomi baharu, penerimangunaan teknologi termaju, membina bakat *changemaker* serta menyokong transformasi Malaysia sebagai negara berinovatif berdasarkan teknologi tinggi terutama dalam kalangan anak-anak di Sabah ini sendiri,” katanya.

Malaysia Techlympics 2022 dibahagikan kepada enam (6) zon iaitu:

ZON	TARIKH PELAKSANAAN
Utara (Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak)	12 dan 13 September 2022
Malaysia Timur Sabah dan Labuan	23 dan 24 September 2022
Tengah (Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya)	27 dan 28 September 2022
Malaysia Timur Sarawak	6 Oktober 2022
Selatan (Negeri Sembilan, Melaka dan Johor)	11 Oktober 2022
Timur (Kelantan, Terengganu dan Pahang)	17 Oktober 2022

Sehingga kini, seramai 1,028,983 Keluarga Malaysia yang berusia antara tujuh (7) hingga 30 tahun telah mendaftar untuk menyertai pelbagai jenis pertandingan dan sesi perkongsian STI yang diadakan sejak April hingga November 2022.

Malaysia Techlympics 2022 dilaksanakan oleh agensi di bawah MOSTI, *Malaysian Research Accelerator for Technology & Innovation* (MRANTI), dan disokong oleh Kementerian Pendidikan Malaysia serta Kementerian Pengajian Tinggi. Inisiatif ini mensasarkan satu (1) juta penyertaan daripada para pelajar dan 2,000 idea STI yang berpotensi untuk dikomersialkan.

Bertemakan ‘Berhubung, Bersaing, Berjaya’, Malaysia Techlympics telah dirangka supaya bersifat inklusif agar lebih ramai golongan sasar mendapat peluang untuk turut terlibat menghasilkan produk inovasi menggunakan pendekatan tidak formal sekali gus merancakkan aktiviti STI negara melalui *experiential learning*.

Inisiatif ini juga adalah sebahagian daripada usaha MOSTI untuk memastikan lebih ramai rakyat Malaysia khususnya golongan pelajar dan belia untuk menjadikan bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) sebagai pilihan kerjaya masa hadapan dan seterusnya mengaplikasi pengetahuan mereka dalam kehidupan harian.

MOSTI telah menyusun sebanyak 25 pertandingan di bawah lima (5) kategori utama yang tertumpu kepada bidang-bidang yang membabitkan kejuruteraan, pengkomputeran dan mikro-komputer, nano, Internet benda (IoT), robotik, dron, sains, matematik, reka bentuk kreatif dan animasi serta percetakan dan pembangunan 3D.

Techlympians yang berjaya di peringkat zon akan mara untuk bersaing di peringkat negeri dan seterusnya ke peringkat kebangsaan yang akan diadakan di Axiata Arena, Bukit Jalil pada 12 hingga 13 November akan datang.

Untuk maklumat lanjut mengenai Malaysia Techlympics 2022, Keluarga Malaysia dijemput untuk melayari laman web rasmi [www.techlympics.my](http://www.techlympics.my).

**# TAMAT #**

**Disediakan oleh:**

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

**24 SEPTEMBER 2022**